



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 44

RABU 2 NOVEMBER, 1983.

1404 رابو 26 محرم

PERCUMA



YANG Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abd Aziz pada minggu lalu telah menerima kunjungan Yang Amat Mulia Tengku Dara Naquiah di Istana Darul Aman.

Yang Amat Mulia Tengku Dara Naquiah berada di sini sebagai Pengarah Seminar bagi ahli-ahli Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan — BISTARI yang diadakan selama empat hari.

Gambar atas kelihatan Yang Amat Mulia Tengku Dara Naquiah (dua dari kiri) semasa mengadakan kunjungan tersebut.

Terut juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna (kiri sekali), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain (dua dari kanan) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam (kanan sekali).

Juga hadir di majlis itu ialah Y.D.M. Dayang-Dayang g Diraja Datin Hajjah Rosnah dan Datin Edah bte Haji Mohd Noor (tiga dari kanan).

USAHA BISTARI DIPUJI

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah memuji akan inisiatif Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan Brunei (BISTARI) dalam usahanya melengkapkan ahli-ahlinya di dalam bidang pengetahuan dan kemahiran yang bermanfaat.

Sabdanya, kesedaran seumpama ini tidak hanya menggambarkan imej kepada isteri-isteri pegawai kerajaan saja tetapi juga imej baik wanita-wanita Brunei.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika merasmikan Pembukaan Seminar Khas bagi BISTARI yang dilangsungkan di Dewan Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada hari Khamis lepas.

Sabda Yang Teramat Mulia lagi, peranan isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan di dalam berbagai bidang adalah semakin mencabar terutamanya setelah negara ini mencapai tarafnya sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat nanti.

Dengan yang demikian seminar bagi ahli-ahli Bistari, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna mengingatkan supaya mereka akan dapat menghalusi lagi pengetahuan serta pengalaman di samping membina dengan teguhnya kepercayaan pada diri masing-masing dalam menghadapi liku-liku hidup dengan sempurna.

Yang Dipertua Bistari Datin Edah bte Haji Mohamed Noor dalam sembah alu-aluannya berkata, dengan adanya seminar hari itu, BISTARI akan dapat berbincang dengan pihak yang mengetahui akan perkembangan yang sangat penting diketahui oleh isteri-isteri pegawai-pegawai Kerajaan dalam menyahut seruan negara bagi sama-sama berganding bahu memberikan sokongan kepada peranan yang dimainkan oleh suami masing-masing.

Dengan tujuan itulah

menurutnya, BISTARI telah menjemput Yang Amat Mulia Tengku Dara Naquiah dan rombongan dari sebuah institusi yang bernama Ecole De Belle Jeunesse dari Kuala Lumpur yang mempunyai kepakaran memberikan pengetahuan akan potensi masing-masing.

Pengarah Seminar, YAM Tengku Dara Naquiah di majlis pembukaan itu juga sempat memberikan sedikit ucapan.

Persembahan sejangkapan kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna juga telah disampaikan oleh Yang Dipertua Bistari.

Seminar yang julung-julung kali diadakan oleh persatuan tersebut telah dilangsungkan selama empat hari. Manakala upacara penutupnya dan penyampaian sijil kepada peserta-peserta seminar telah diadakan di Kelab Polo

(Lihat muka 16)

Negara Brunei sudah tertubuh turun-temurun

PENGARAH Penerangan menegaskan bahawa Brunei yang akan merdeka dan kita lampainya akan menjadi bangsa merdeka bukanlah baharu akan memulai kerja-kerja membina negara. Negara Brunei sudah tertubuh dengan asas-asas yang turun-temurun. Sebahagian asas-asas itu dirumuskan ke dalam Perlembagaan 1959, Perlembagaan Undang-Undang Raja 1959 dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan.

Bellau menegaskan hal itu dalam ceramah sivik bagi penuntut-penuntut di Pusat Pengajian Enam pada pagi Sabtu lepas.

Pengarah Penerangan, asas-asas lampainya yang sudah ada tentu akan dan boleh dikembangkan. Beliau dengan adanya jangkaan lampainya yang tinggi terhadap pencapaian pembangunan yang sudah sedia ada akan diperkukuhkan dan dikembangkan. Tanggungjawab yang berat selepas kemerdekaan akan pada meyakini asas-asas pembangunan yang sudah ada itu dan mengembangkannya sebagai suatu kebanggaan negara dan rakyat yang merdeka.

Para sasterawan digesa:

SESUAIKAN 'CIPTAAN'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para sasterawan tanahair digesa agar lebih gigih memikirkan dan membuat berbagai langkah supaya hasil sastera yang pernah atau akan dicipta dapat memainkan peranannya sebagai salah satu unsur yang kuat bagi mengisi dan memenuhi erti serta tanggungjawab kemerdekaan.

Berucap sejourus sebelum merasmikan Peraduan Manifestasi Puisi Brunei pada malam Ahad lepas bertempat di Dewan RTB, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd Saman bin Abdul Kahar

Oleh: Abdul Karim HAB

seterusnya menekankan bahawa tugas sasterawan di negara ini bukanlah hanya untuk mencipta, mencetak dan menerbitkan hasil sastera tetapi haruslah juga berupaya mendekatkan minat masyarakat supaya menerima, menghayati dan mengambil iktibar darinya.

ALAT PIMPINAN

Hasil sastera, sebagai satu alat pimpinan, bimbingan dan pengajaran; penyebarannya haruslah dihubungkan dengan teknologi pendidikan agar

penerapannya selaras dengan kaedah pendidikan yang mana perlu sepadan dengan suasana keliling dan tahap pencapaian masyarakat, Awang Haji Abd Saman menyarankan.

Bagi memahami hasil sastera pula masyarakat umum memang perlu dibimbing dan dididik melalui pengucapan, teladan, tafsir dan lakonan, ujar beliau.

Awng Mohd Zaini bin Haji Omar, Pegawai Hal Ehwal Masyarakat Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad sebagai mewakili syarikat tersebut dalam ucapannya antara lain



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika bersabda bagi merasmikan Seminar Khas BISTARI.

mengharapkan peraduan seperti itu bukan sahaja akan dapat memberikan daya perangsang kepada penulis-penulis dan peminat-peminat sastera ke arah pencapaian mutu sastera yang lebih tinggi malah yang lebih penting

(Lihat muka 16)

MANISNYA IMAN

"Ya Allah! Kupohonkan kepada-Mu hidayah, perindungan, kesucian serta kekayaan." — HADIS Nabi riwayat Muslim, At-Tarmizi dan Ibnu Majah daripada Ibnu Mas'ud r.a.



Pelita Brunei
HIMPUNAN JURNALIS BRUNEI

2 NOVEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA: KENYATAAN MENUNJUKKAN KITA LAYAK MENDAPATKANNYA

DENGAN pencapaian kemerdekaan pada 1 Januari tahun depan maka kita dan negara kita akan menjadi sebahagian

daripada masyarakat antarabangsa. Menerusi Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama dengan United Kingdom tahun 1979 kita telah pun menyatakan azam untuk memikul sepenuhnya tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Sehingga ini, alhamdulillah — tiada tanda-tanda yang menunjukkan masyarakat antarabangsa akan sukar menerima kita. Sebaliknya kita telah lebih awal dialu-alukan dengan kesemua negara anggota ASEAN dan beberapa buah negara yang bersahabat baik pun yang jauh atau yang dekat telah menubuhkan perwakilan masing-masing di negara ini.

Tidak syak lagi, negara-negara tersebut dan beberapa buah negara lain yang sudah menunjukkan minat yang sama setentunya menerima kita sebagai sahabat yang akan sebanding dan setaraf di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya, ia menunjuk-

kan betapa kita sedia mempunyai ramai sahabat. Kerana itu kita bertambah yakin bahawa kemerdekaan kita dan negara kita tidak akan menimbulkan persoalan antarabangsa, dan sememangnya tidak patut sebarang persoalan ditimbulkan.

Yang sudah jelas; kita di Brunei telah memilih jalan ke arah kemerdekaan itu dengan selamat. Itu hak kita. Suatu waktu dahulu seolah-olah isu kemerdekaan kita cuba disamakan dengan isu kemerdekaan yang berkehendakkan campur tangan luar. Tetapi percubaan itu sendiri ternyata tidak meyakinkan manakala banyak pihak di luar negeri mendapati yang kita di Brunei lebih mampu dan layak untuk memilih jalan sendiri.

Kerana itu sebarang kewahaman mengenai penerimaan antarabangsa terhadap kemerdekaan kita adalah tidak berasas. Kenyataan yang ada sangat terang bahawa kita dan negara kita adalah

layak mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai rakyat dan negara yang beribawa.

Dengan yang demikian tentulah kita menepati kenyataan jika orang lain membangkitkan pengiktirafan antarabangsa itu. Orang yang mendakwa mengabaikan perhatian terhadap kepentingan masyarakat dan negara ini sepatutnya mudah akan terdorong mempergunakan kewahaman itu kecuallian jika memang disenghajakan untuk tujuan yang lain.

Tetapi, yang kita ketahui dan rasakan ramai semakin menyedari sekarang ialah kita sentiasa berdaya upaya memperkukuhkan negara dalam usaha menegakkan kedaulatannya di peringkat antarabangsa. Tentulah tidak cukup dengan tujuan tersebut jika dalam masa yang sama kita mempertikaikan kemerdekaan kita sendiri dan mengabaikan orang lain turut memperbaikannya.

Kesusasteraan adalah amanah umat manusia

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Asterawani yang menganjurkan Peraduan Manifestasi Puisi ini kerana memberi saya kesempatan membuat kata-kata aluan, di samping itu saya sendiri dengan ikhlas mengucapkan tahniah atas langkah Asterawani bersama Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad menganjurkan Majlis seperti ini.

Kesusasteraan sebenarnya adalah amanah umat manusia seantara dunia, kerana pada pokoknya hasil sastra di mana sahaja adalah mempunyai persamaan tentang bidang-bidang yang disentuhnya yang meliputi persoalan keperluan asasi dan keperluan tambahan bahkan seluruh aspek kehidupan manusia, sebagai suatu amanah yang bersifat demikian, maka kesusasteraan biasanya harus sampai ke mana-mana tanpa sekatan perbatasan, dan ini telah berjaya dilakukan oleh para sasterawan melalui penterjemahan hasil-hasil sastra dunia ke berbagai-bagai bahasa.

KEPERLUAN NEGARA

Walau bagaimanapun di saat-saat Kemerdekaan kita yang semakin dekat, maka adalah tepat sekali supaya para sasterawan di Brunei mengutamakan terlebih dahulu keperluan negara dan masyarakat kita, oleh yang demikian mereka haruslah lebih gigih memikirkan dan membuat berbagai langkah supaya hasil sastra yang pernah dicipta atau yang akan dicipta

akan mengambil tempatnya yang betul sebagai salah satu unsur yang kuat bagi mengisi dan memenuhi erti serta tanggungjawab Kemerdekaan itu, dan tempat yang wajar bagi kesusasteraan adalah sebagai pimpinan jiwa dan bimbingan pembangunan, oleh yang demikian di zaman Kemerdekaan nanti tugas para sasterawan haruslah lebih berjaya sebagai penyedar jiwa masyarakat dan oleh kerana pertumbuhan jiwa itu adalah syarat utama pembangunan maka di zaman kemerdekaan, para sasterawan haruslah membulatkan tekad agar lebih berjaya memimpin dan mengerakkan pembangunan negara dan bangsa menurut keupayaan dan ketajaman pena masing-masing.

MEMENUHI KEPERLUAN

Bagi menjayakan tanggungjawab seperti ini, maka kesusasteraan Brunei sebagai suatu amanah haruslah ditunaikan tepat dengan keperluan asasi dan keperluan tambahan dalam kehidupan kita, dengan maksud bahawa para sasterawan di Brunei adalah juga bertanggungjawab menyedarkan masyarakat Brunei khususnya supaya selangkah demi selangkah kita harus berupaya memenuhi keperluan-keperluan kehidupan kita sebab bangsa yang Merdeka tidak selayaknya bergantung terlalu lama kepada tenaga-tenaga luar atau menggantikan keperluan kita itu selamanya kepada penghasilan dari luar.

Dan bagi menjayakan tanggungjawab yang disebutkan itu maka tugas para sasterawan di Brunei tidak hanya untuk mencipta, mencetak, dan menerbitkan hasil sastra, akan tetapi mereka haruslah pula berupaya mendekatkan minat masyarakat supaya menerima, menghayati dan mengambil iktibar dari hasil sastra itu, sebab sebagai suatu amanah, kesusasteraan haruslah mempunyai sifat memberi dan menerima. Hasil sastra yang tidak dihayati oleh masyarakat adalah suatu petanda betapa amanah itu terbantut ditangan para sasterawan sendiri, sedang mereka sesungguhnya sedaya upaya telah berusaha memberi dan menyumbangkan buah fikiran, pimpinan dan bimbingan melalui karya mereka.

KONONNYA

Dalam sebuah buku disebutkan bahawa pada umumnya orang-orang yang menghayati kesusasteraan Melayu itu masih kecil bilangannya dan kononnya antara sebabnya ialah bahawa kesusasteraan Melayu belum berkembang maju dan konon bahawa sasterawan Melayu belum mencipta dengan penuh kesungguhan, dan ini menyebabkan mutu sastra Melayu itu kurang bernilai dan tidak diminati. Sebagai akibat dari keadaan ini, buku tersebut menyimpulkan bahawa masih ramai masyarakat menganggap kesusasteraan itu hanya suatu hiburan yang cukup untuk dirasa dan dibaca sekali sahaja.

AMANAH YANG BERNILAI

Pandangan seperti itu masih boleh dipertikaikan, dan jikalau dakwaan itu sedikit sebanyak ada juga benarnya, maka kita harus mencari jalan keluar supaya para sasterawan tidak hanya memberi dan supaya kesusasteraan yang menjiwai dan mengerakkan kehidupan tidak akan gagal menemui matlamat sebagai suatu amanah yang sangat bernilai.

Kemungkinan sentiasa ada bahawa sejauh ini hasil karya itu sendiri belum didekatkan sepenuhnya kepada masyarakat melalui cara-cara yang bersesuaian dengan persekitaran masyarakat itu sendiri. Sebagai suatu alat pimpinan, bimbingan dan pengajaran, maka penyebaran hasil-hasil sastra haruslah dihubungkan dengan teknologi pendidikan, dengan maksud bahawa penarapannya biarlah selaras dengan kaedah pendidikan yang setentunya perlu sepadan dengan suasana keliling dan tahap pencapaian masyarakat, dengan yang demikian menghasilkan karya sastra lalu menerbitkannya dalam akhbar-akhbar atau mencetaknya berupa buku belum semestinya bermakna kita telah melakukan suatu penyebaran amanah sastra kepada masyarakat untuk diterima dan dihayati serta diambil iktibar oleh mereka.

MENARIK

Peraduan Manifestasi Puisi pada malam ini hen-

daknya akan disusuli lagi oleh lain-lain langkah yang lebih berkesan bagi menarik minat masyarakat kepada kesusasteraan supaya amanah kesusasteraan ini tidak hanya berligar di serambi para sasterawan sesama sendiri. Bagi memahami hasil sastra masyarakat umum memang perlu dibimbing dan dididik melalui pengucapan dan melalui teladan, melalui tafsiran dan melalui lakonan.

PENDIDIKAN SASTERA

Bagi menjayakan pendidikan sastra ini masyarakat perlu pula, sekali sekala mendapat kesempatan mengikuti perbincangan, perbincangan dan kritikan sastra yang tidak hanya bermain kata-kata dan simbol-simbol yang hanya nyaman dinikmati oleh para sasterawan sendiri kerana pembedahan sastra seperti ini lebih banyak memungkinkan masyarakat menjauhkan diri dari hasil sastra lalu menganggapnya sebagai bahan hiburan yang cukup dibaca sekali sahaja.

Pendidikan sastra juga buat masa sekarang tidak lagi boleh dipisahkan dengan karekter para sasterawan sendiri sebab pendidikan melalui teladan selalunya adalah lebih berkesan, dan ini dapat dibuktikan ada banyak filem-filem yang cukup bertenaga akan tetapi tidak menjadi satu kekuatan untuk dihayati dan diambil iktibar oleh masyarakat apabila



AWANG Haji Abdul Samad Kahar, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

masyarakat menghayatkannya kepada kehidupan seharian atau kepada para seniman yang meluar filem dan lain-lain dalam filem.

Sejauh ini para sasterawan Brunei menulis sajak, novel, drama dan sastra yang menggarap berbagai aspek kehidupan kita, dari segi sasterawan kita umumnya telah menepati oleh itu yang tinggal soal menerima. Memang inilah yang harus kita jau sekarang tentang dan kaedahnya. Sentiasa dengan demikian Brunei akan berusaha berhasrat menjadi salah satu unsur bagi memenuhi erti serta tanggungjawab Kemerdekaan kita yang semestinya kaya dengan pembangunan dan kemajuan.

BERIKUT ialah ucapan Awang Haji Abdul Samad Kahar, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, majlis Peraduan Manifestasi Puisi Brunei 1983, ASTERAWANI bersama Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad bertempat di Dewan Raya RTB pada 22 Oktober 1983 jam 7.30 malam.

Sekolah Agama Serasa dibuka rasmi

SEMPENA menyambut kedatangan awal Tahun Hijrah 1404, sebuah lagi bangunan baru sekolah agama telah dirasmikan baru-baru ini di Kampung Serasa, Muara. Perasmianya telah disempurnakan oleh bekas Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Dato Paduka Awang Haji Basir bin Taha.

Sekolah tersebut diberi nama Sekolah Agama Pengiran Muda Abdul 'Azim, dibina di atas tapak seluas lima ekar. Kerja-kerja pembinaan sekolah itu bermula pada awal tahun 1980 dan telah siap pada penghujung tahun lepas.

Sekolah Agama Pengiran Muda Abdul 'Azim telah mula digunakan pada bulan Februari tahun ini oleh murid-murid yang tinggal di sekitar Pekan Muara. Ianya mempunyai 3 buah blok iaitu

satu blok untuk pentadbiran dan dua blok untuk bilik darjah yang mengandungi 20 buah bilik-bilik darjah yang boleh menampung seramai kira-kira 500 orang murid.

Pembinaan sekolah tersebut ialah bagi menampung dan mengatasi masalah-masalah ketiadaan bilik darjah di Sekolah Agama Madrasah Setia Ali Muara yang dijadikan sekolah sementara sebelum ini.

Menurut catatan, persekolahan agama di Serasa bermula pada bulan Mac 1966 iaitu menumpang di bangunan Sekolah Melayu Serasa, itupun bagi menempatkan Darjah I hingga III saja. Darjah IV terpaksa belajar di Sekolah Agama SUAS Muara dan beberapa tahun kemudian barulah berpindah ke Sekolah Agama Madrasah Setia Ali Muara.



DATO Paduka Awang Haji Basir bersama Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama dan Pegawai-pegawai Kanannya di majlis perasmian sekolah agama tersebut.



BEGINILAH keadaannya bangunan Sekolah Agama Pengiran Muda Abdul 'Azim yang baru dibuka rasmi itu.

Pemilihan calon Ketua Kampung Danau

TUTONG. — Satu pemilihan calon bagi Ketua Kampung Danau akan diadakan pada hari Ahad 6 November ini jam 8.30 pagi bertempat di Balai Raya Kampung Danau.

Oleh yang demikian penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung tersebut adalah dipersilakan hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang telah ditetapkan.

Syarat-syarat untuk menjadi CALON adalah seperti berikut:

- Calon hendaklah sudah bermastautin dalam kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut;
- Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 30 tahun;
- Calon sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya atau Darjah VI Sekolah Melayu;
- Calon mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

Borang-borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi di Pejabat Daerah Tutong.

Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri (3)

Disusun oleh:
Kamisan Haji Rahmat, Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Jawapan Soalan Latihan 1
(Keluaran Minggu Lepas)

DALAM SEBUAH rumah di Kampong Ayer tinggal seorang budak bernama Ahmad bersama ibunya.

Ayah Ahmad sudah lama meninggal dunia, iaitu semasa Ahmad masih kecil lagi. Sekarang Ahmad tinggal bersama ibunya di rumah peninggalan ayahnya itu. Umur Ahmad sudah meningkat sepuluh tahun, ia belajar di sebuah sekolah Melayu. Sekarang Ahmad sudah naik Darjah 5. Sekolah tempat Ahmad belajar itu jauh dari rumahnya. Oleh sebab Ahmad tinggal di Kampong Ayer,* terpaksa ia pergi ke sekolah menggunakan perahu. Perahu Ahmad sudah buruk dan bocor pula. Walaupun perahunya itu sudah buruk dan bocor, tetapi ia tidak malu dan segan menggunakan perahunya itu. Kadang-kadang ada juga kawan-kawannya yang nakal suka mengejek kepadanya kerana memakai perahu yang sudah buruk tetapi Ahmad tidak menghiraukan segala ejekan mereka itu. Bahkan ia rajin datang ke sekolah setiap hari.

(*) Peringatan

Nama Khas yang ejaannya belum diubah.

Soalan 3: Kenapakah ada beberapa kekecualian dalam sistem ejaan baru walaupun sudah ada penetapan yang dibuat pada 18 pola keselarasan huruf vokal?

Jawapan: Ada beberapa sebab kekecualian dibuat dalam sistem ejaan baru: —

- Sebutan dan makna — Perkataan-perkataan bahasa Melayu yang tidak dapat dieja mengikut keselarasan huruf yang telah ditetapkan kerana mempunyai sebutan dan makna tertentu, maka perkataan-perkataan seperti ini dijadikan kekecualian.

Contoh: 'pamer' dikecualikan atas sebab sebutan.

'lancong' — maknanya berbeza dengan 'lancong' lancong = lawat, bersiar-siar
lancong = tipu, palsu.

- Kepentingan sejarah — Perkataan-perkataan yang dikecualikan berdasarkan sebab tersebut adalah seperti bandar Ipoh dan Institut Shah Alam.

- Diplomatik/Politik — seperti Republik Rakyat China.

- Perseorangan — seperti ejaan 'Agong' yang merujuk Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia.

API MUSUH UTAMA PASUKAN BOMBA



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika berucap di upacara Perbarisan Tamat Latihan tersebut.

MUARA. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama berkata api adalah musuh utama yang sering dihadapi oleh Pasukan Bomba.

Beliau lalu menceritakan suatu kisah tentang dari mana asalnya api itu seperti yang disebutkan di dalam kitab Durratun Nasihin di mana Allah s.w.t. telah mengutus Malaikat Jibrail berjumpa Malaikat Malik (Penjaga Neraka) supaya mengambil sedikit dari api neraka untuk digunakan oleh Nabi Adam bagi tujuan untuk memasak makanan.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, menceritakan demikian di

Gambar-gambar oleh: Haji Sarbini Taha

Oleh: Muhaimin HM

upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi seramai 38 orang Anggota-Anggota Pasukan Bomba bertempat di Pusat Latihan Bomba Muara pada hari Khamis lepas.

"Apabila Malaikat Jibrail sampai ke Neraka lalu dia meminta api kepada penjaga Neraka sebesar sebiji kurma maka jika diberikan sebesar itu nescaya akan hancurlah tujuh petala langit dan tujuh petala bumi," ujar Y.B. menyambung ceritanya.

Lalu Malaikat Jibrail meminta api Neraka separuh dari sebesar sebiji kurma, maka menurut cerita tersebut jika itu yang dikehendaki bermakna tidak setitis air pun akan terdapat di langit dan tidak akan tumbuh tumbuhan di bumi.

Seterusnya kata Y.B. Pehin di dalam kisah tersebut lalu

Allah berfirman supaya Malaikat Jibrail mengambil sebesar atom dari api neraka yang mana api itu terlebih dahulu dicucinya tujuh puluh kali di tujuh puluh sungai, kemudian dibawahnya kepada Nabi Adam lalu api itu diletakkannya di atas gunung yang tinggi, maka gunung itu pun mencair dan kembalilah api itu ke tempatnya dan tinggal asapnya melekat pada batu-batu dan pada besi sampai ke hari ini.

Maka api yang ada sekarang ini, jelas Y.B. adalah dari asap api yang sebesar atom yang dibawa Malaikat Jibrail dari Neraka ke dunia untuk kegunaan Nabi Allah Adam dan cucu-cicitnya.

Di majlis itu pasukan bomba serta anggota-anggota bomba yang menamatkan latihan telah menunjukkan beberapa adegan tentang kecekapan mereka melawan kebakaran dan sebagai anggota-anggota penyelamat.

Hadiah kepada Anggota-Anggota Bomba Pelatih ter-

baik dan Pegawai Balai percubaan disempurnakan oleh Pehin. Bahagian pegawai balai percubaan ialah PSO. Ak. Sulaiman Pg. Bakar, bahagian PSO. Mohd. Sulaiman dan keseluruhan pegawai oleh PSO. Japar bin Tahir.

Manakala Anggota-Anggota Pelatih, terbaik bahagian teori ialah 303 Hamdan bin Mar, bahagian kawad 326 Hamid bin Bakar dan keseluruhan oleh AB. 311 Zain bin Ray.

Antara yang hadir Pengawal Pasukan Awang Haji Yusoff, Penolong Pasukan Bomba, Awang Haji Daud, Pegawai Kanannya serta keluarga anggota-anggota bomba yang menamatkan latihan pada hari itu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin bertanya sesuatu kepada salah seorang pegawai Balai Percubaan ketika beliau memeriksa barisan kehormatan. Manakala gambar bawah ialah barisan lalu dengan memberi tabik hormat oleh sebahagian daripada Anggota-Anggota Pelatih Bomba yang baru menamatkan latihan pada hari itu.



'PASUKAN PENYELAMAT' iaitu satu unit cawangan khas yang ditubuhkan oleh Pasukan Bomba mempunyai seramai 38 orang anggota ketika memperlihatkan aksi mereka turun dari bangunan yang tinggi dengan menggunakan tali.



PSO. Japar bin Tahir merupakan pegawai terbaik keseluruhannya bagi Pegawai-Pegawai Balai percubaan ketika menerima hadiah yang disampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

ENGGAN BERZAKAT AKAN DIAZAB

MARILAH sama-sama kita meningkatkan zakat dan ketaatan kita kepada Allah s.w.t. dengan membuat dan beramal terhadap apa-apa yang disuruh-Nya dan menjauhi apa-apa yang dilarang-Nya.

Salah satu rukun yang sangat-sangat dituntut oleh Allah untuk dilaksanakan oleh orang-orang Islam ialah membayar atau mengeluarkan zakat, adapun orang yang ingkar yang tidak mahu mengeluarkan zakat, maka orang itu telah melakukan

satu lagi dosa besar, yang akan dibalas oleh Allah dengan azab-Nya yang pedih.

BAKHIL ATAU KEDEKUT

Orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat adalah orang bakhil atau kedekut. Dia menyangka dengan mengeluarkan zakat itu hartanya akan berkurang atau rugi, kerana itulah dia tidak mahu berzakat. Orang-orang seperti ini telah diberi ingatan oleh Allah di dalam Al-Quran dengan firman-Nya surah Ali-

Imran ayat 180 yang bermaksud lebih kurang:

"Janganlah orang-orang bakhil itu mengira, bahawa kebakhilan itu mendatangkan kebaikan kepada mereka, tidak! Melainkan yang diterima mereka ialah keburukan. Nanti harta-harta yang mereka bakhilkan itu akan digantung di leher-leher mereka pada hari kiamat. Ingat, Allahlah yang mempunyai langit dan bumi ini dan mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan".

MENDAPAT SIKSA

Tentang sifat-sifat orang

bakhil itu disebut lebih jelas lagi oleh Allah di dalam surat At-Taubah ayat 34 dan 35 dengan menerangkan sekali jenis azab yang akan diterima oleh mereka itu kelak. Taf-sir ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut..... 'dan orang-orang yang mengumpulkan emas dan perak, dan tidak menafkahkan pada jalan Allah (termasuk tidak dikeluarkan zakatnya), maka beritahu kepada mereka itu, bahawa mereka akan mendapat siksa yang pedih. Pada hari itu semuanya akan dipanaskan dalam neraka jahanam, lalu dengan itu dibakar dahi, rusuk dan punggung



mereka (dan dikatakan): Inilah yang kamu simpan dan kumpul untuk dirimu dahulu, sebab itu tanggunglah akibatnya apa yang kamu simpan itu".

Ayat Quran ini disokong pula oleh hadis Nabi s.a.w. riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud: "Tiada dari siapa yang memiliki emas dan perak yang tidak menunaikan haknya (membayar zakatnya). Melainkan pada hari kiamat orang itu bertemu api neraka, dipanaskan di dalamnya, dibakar dahi, rusuk dan punggung mereka."

Demikian juga sabda Nabi s.a.w. riwayat Ibnu Huzaimah dan Ibnu Hibban daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

"Ada tiga jenis manusia yang mula-mula masuk neraka, pertama: Amir atau Ketua yang zalim, kedua orang kaya yang memiliki harta yang tidak menunaikan hak Allah Taala dari hartanya itu, dan ketiga orang fakir yang sombong yang bermegah-megah."

AKIBAT

Demikianlah, wahai kaum Muslimin! Akibat

dari tidak menunaikan hak Allah Taala dalam perkara harta ini adalah berat.

Dosanya sangat besar, yang akan dibalas dengan azab neraka jahanam. Melalui Al-Quran surah Al-Munafikun ayat 10 yang dibacakan di akhir khutbah, telah mengingatkan kita supaya merebut peluang sebelum mati bagi mentadbir dengan betul harta-harta kita, dalam makna menggunakannya di jalan yang lurus, yang disuruh oleh Allah Taala. Di antaranya jangan lupa, mengeluarkan sebahagian daripadanya untuk zakat.

Ayat itu seterusnya menceritakan perihal orang-orang yang tidak mahu berzakat, apabila ianya mati kelak, dia akan meminta kepada Allah supaya diberikan peluang sekali lagi untuk hidup bagi dia menebus kesalahannya yang telah lalu kerana tidak berzakat. Dia berjanji kepada Allah, jika Allah izinkan dia hidup semula dia akan membayar zakat. Tetapi inilah yang dinamakan nasi telah menjadi bubur.

MENGHORMATI TETAMU

KITA dijadikan oleh Allah di muka bumi ini dalam bentuk yang bersuku-suku dan berbangsa-bangsa. Setiap manusia lahir dengan sifat-sifat yang tersendiri, tercipta mengikut didikan dari keluarganya. Seseorang umat Islam yang baik tentulah telah dididik oleh orang tuanya berlandaskan hukum-hukum Islam dan peribadi orang Islam, maka hormat kepada tetamu adalah di antara sifat-sifat yang terkandung dalam peribadi orang Islam.

Seorang tetamu yang datang berkunjung ke rumah kita, sama ada kita kenali atau belum patutlah kita sambut dan layan dengan baik iaitu sesuai dengan ajaran yang disuruh oleh agama Islam. Di zaman Nabi Allah Ibrahim a.s. Al-Quran telah menceritakan bagaimana Baginda itu menghormati tetamunya sebagaimana disebutkan dalam surah Az-Zuriat ayat 26 yang ertinya: "Apakah telah sampai kepada kamu cerita tamu Ibrahim yang baik-baik itu. Ketika mereka masuk kepadanya dan memberi salam. Jawab Ibrahim: Selamat juga kepada orang yang belum dikenal. Maka segera ia masuk kepada keluarganya, dan datang kembali dengan membawa anak lembu yang gemuk yang telah disembelih dan dihidangkan kepada mereka sambil berkata: Tidakkah kamu makan?"

Dari ayat tadi telah dijelaskan bagaimana Nabi Ibrahim Alaihissalam telah menyambut tetamu yang belum dikenalnya dengan menyambut salam mereka dan kemudian Baginda menghidangkan kepada mereka daging anak lembu yang telah disembelih dan mempersilakan mereka makan. Cara Nabi Ibrahim



ini patut kita jadikan teladan di mana sebelum Baginda bertanya hal-hal yang lain terlebih dahulu beliau menjemput tamunya makan. Tujuannya adalah semata-mata untuk memuliakan tamu-tamu itu.

Di dalam Islam motif utama kita menghormati tetamu adalah untuk mengeratkan tali silaturahmi. Tetamu sama ada kita undang atau datang secara melulu sahaja tidak patut kita persia-siakan kedatangannya dengan tidak memberikan layanan yang sewajarnya. Meskipun kiranya mereka yang datang itu daripada golongan bawahan yang miskin maka jangan sekali-kali kita menunjukkan sikap menyombong diri. Bersabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang kira-kira ertinya: "Siapa yang percaya kepada Allah dan hari kemudian, hendaklah menghormati tamunya. Siapa yang percaya kepada Allah dan hari kemudian, hendaklah menghubungi famili. Dan siapa yang percaya Allah dan hari kemudian, harus berkata baik atau berdiam." — Bukhari dan Muslim).

Dari maksud Hadis Nabi Muhammad s.a.w. tadi, bahawa menghormati tetamu itu adalah mem-

punyai hubungan dengan keimanan kita terhadap Allah s.w.t. Jadi dalam hal ini golongan perempuan adalah lebih baik melayan tetamu perempuan iaitu dengan keizinan suaminya.

Walaupun pada hari ini wanita telah mencapai kebebasan tapi dalam soal ini tentulah tidak boleh dipertikaikan lagi. Sebaliknya jika keizinan telah diperolehi maka patutlah kita memberikan layanan yang baik. Percakapan yang kita ajukan hendaklah jangan menyinggung perasaan mereka dan berikanlah mereka hidangan yang terdaya, kita sajikan.

Di zaman sains dan teknologi ini setengah umat Islam telah ikut berubah mental dan cara pemikiran mereka iaitu terpengaruh dengan cara hidup barat. Terdapat juga pada setengah orang membezakan dalam menerima tetamu. Ini tentulah memberikan implikasi yang kurang baik. Rasa marah dan rendah diri menyelubungi tetamu. Cara ini bukalah yang telah ditetapkan oleh hukum Islam dan justeru itu juga kita telah diperintah supaya melayan tetamu kita dengan seadil-adilnya supaya meninggalkan kesan yang baik kepada mereka.

Kesimpulannya sebagai seorang Islam kita tidak patut menyinggung perasaan tetamu, bila kita berkelakuan sambil lewa dan membesar-besarkan diri kita, ini akan memberikan rasa malu dan benci di kalangan tetamu kita. Rasa persaudaraan, kasih sayang sesama insan dan tata-tertib yang baik patutlah disemai bersama-sama rasa hormat kita demi mewujudkan komunikasi yang baik dengan tetamu.

Janganlah orang-orang bakhil itu mengira, bahawa kebakhilan itu mendatangkan kebaikan kepada mereka, tidak! melainkan yang diterima mereka ialah keburukan.

Majlis pengislaman

TUTONG. — Seorang pemuda Dusun berasal dari Kampung Rambai, Tutong telah memeluk Agama Islam di satu majlis yang telah diadakan di Pejabat Agama Daerah Tutong pada 22 Oktober, lepas. Awang Jarali bin Marikan, berusia 24 tahun telah melafazkan ikrar pengislaman di hadapan Penolong Pegawai Perkembangan Agama Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat. Awang Jarali kini dikenali sebagai Awang Mohd. Azizul bin Marikan.

Sementara itu, pada hari berikutnya majlis yang sama juga telah diilangungkan di rumah Ketua Kampong Longmayan, Tutong. Majlis pada hari tersebut adalah bagi pengislaman seorang gadis Dusun, Dayang Rinda binte Kinchai berusia 23 tahun anak kepada Ketua Kampong Longmayan. Dayang Rinda melafazkan ikrar Islamnya di hadapan seorang guru agama, Dayang Hajjah Salmah binte Haji Abd. Ghani, dan telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Rosrinda Al-Islam binte Kinchai.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2 November, 1983 hingga ke hari Selasa 8 November, 1983 adalah seperti di bawah ini: —

Hari	Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyay	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
2 Nov		12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
3 Nov		12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
4 Nov		12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
5 Nov		12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
6 Nov		12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
7 Nov		12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
8 Nov		12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

ERTI KESENGSARAAN Siri ke-198



ORANG yang kena sesuatu bencana dan mudarat seperti orang lapar yang belum sampai had mudtar, orang yang bertelanjang yang tiada dapat menutup auratnya atau ia tiada dapat melindungi badannya dari sesuatu mudarat dan bencana, atau ia tiada dapat membayar upah doktor dan tiada dapat membayar harga ubat, upah pelayan bagi yang uzur yang tiada siapa yang melayan, upah mengusung orang yang tiada berdaya berjalan, dan menolong mengangkut barang bagi siapa yang tiada berdaya mengangkat dan seumpamanya, inilah contoh atau misalan bagi orang yang kena bencana atau kesusahan atau kesengsaraan menjadi fardu kifayah di atas umat Islam yang berdaya dan yang ada lebih belanja dalam masa setahun membantu orang seperti orang-orang itu, dan barang siapa yang diminta menolong membantu orang seperti orang-orang yang tersebut, maka wajiblah ia membantu dengan jalan Fardu Ain sekalipun di situ ada orang lain yang seumpamanya boleh membantu, supaya jangan ada orang-orang yang berdaya membantu berdalih dan lengah dari memberi bantuan tenaga atau harta kepada orang-orang yang sedemikian (serius) keadaan mereka.

Adapun yang Mudtar yang membawa maut

atau sakit teruk kerana tiada dapat makan maka wajib diberi ia makan oleh siapa yang mempunyai makanan sekali-pun untuk makanannya pada masa yang akan datang, sama ada yang mempunyai makanan itu ada lebih belanja setahun dari hajat-hajatnya dan orang tanggungannya, atau bukan orang itu orang lebih belanja dari setahun.

Berkata Al-Imam Nawawi dalam Al-Minhaj: "Setengah daripada Fardu Kifayah ke atas orang-orang Islam yang mempunyai lebih kadar belanja dari setahun untuk dirinya dan orang tanggungannya ialah menolak bencana dari orang-orang Islam seperti memberi pakaian kepada orang yang bertanggungjawab dan memberi makan kepada orang yang lapar jika tiada tertolak mudarat dan bencana itu dengan zakat dan harta Baitol-Mal.

Oleh yang demikian, menurut Islam bahawa dalam harta Fai dan Ghanimah Baitol-Mal orang Islam, memang sudah ada satu bahagian dan 1/5, bahagian dari harta Fai dan Ghanimah. Baitol-Mal orang Islam iaitu: Satu bahagian dari 1/5 Fai dan Ghanimah untuk anak yatim yang susah dan satu bahagian lain dari 1/5 Fai dan Ghanimah untuk orang-orang fakir dan miskin dan termasuklah ke dalamnya perempuan

janda yang susah yang diperkatakan perkara mereka dalam soal yang di atas ini.

Anak Yatim dan janda keduanya dalam kesusahan ada bahagian keduanya dari harta zakat dari bahagian Asnaf fakir atau miskin. Selain dari bahagian masing-masing dari harta Fai atau Baitol-Mal yang tersebut di atas ini dan fakir miskin itu ada peruntukan baginya dari harta Kifarah selain dari yang tersebut di atas ini.

Jika tidak dapat diberi kepada mereka keduanya pertolongan dari zakat dan dari harta Fai dan Ghanimah Baitol-Mal orang Islam, oleh sesuatu halangan seperti Kerajaan enggan memberi dari harta yang ada ditanggannya (hasil yang dipungut oleh Kerajaan atau seperti tiada ada orang yang wajib berzakat atau tiada ia mahu mengeluarkan zakat kepada asnaf yang lapar, dan dalam negeri Brunei cuma ada enam asnaf dan tiada asnaf Mukatab dan tiada asnaf Fisabilillah, maka ketika itu wajib di atas orang-orang Islam yang ada lebih belanja untuk kehidupan setahun memberi bantuan siapa juga orang susah dan apa jua jenis kesusahannya. Sama ada orang itu Islam atau orang Zimmi atau orang kafir yang dibenarkan masuk ke dalam negeri ini, kiranya maksum nyawa orang tiga bahagian itu, pada

orang Islam maka nyawanya maksum kiranya ia sembahyang Fardu dan tiada berzina padahal ia sudah kahwin dengan akad nikah yang sah dan tiada murtad dan pada orang Zimmi serta orang yang dibenarkan masuk ke dalam negeri yakni orang yang diberi aman maka keduanya tiada berzina pada hal ia sudah berkahwin dengan akad nikah yang sah menurut agama mereka, dan ia tiada murtad dan keluar dari ugamanya masuk agama lain dari agama Islam, ini syarat-syarat orang yang lebih belanja dari belanja untuk setahun pada menolong orang susah.

Kadar Pemberian Kepada Orang Sengsara.

Menurut pendapat setengah ulama bahawa orang yang bertelanjang

wajib diberi akan dia pakaian yang menutup auratnya sahaja atau kadar yang dapat melindungi badan dari mudarat dan bencana, tiada wajib diberi lebih dari menutup aurat dan dari mudarat dan orang yang lapar wajib diberi ia makanan sekadar ia dapat berdaya semula dan tiada wajib diberi ia makanan sehingga ia kenyang, begitulah dikiaskan memberi bantuan dalam lain-lain perkara.

Akan tetapi menurut pendapat setengah ulama yang lain bahawa orang yang bertelanjang wajib diberi akan dia pakaian yang menutup seluruh badan bukan sekadar menutup aurat, dan pada orang lapar wajib diberi ia sehingga ia kenyang dan dikiaskan kedua-dua misalan ini

pada memberi pertolongan dan perkara.

Oleh yang demikian pada hendak menolong anak yatim yang fakir atau janda yang fakir maka boleh disyaratkan bagi mendapat bantuan menurut pendapat ulama dari orang lapar sehingga ia kenyang dan diberi orang bertelanjang pakaian menutup seluruh badan. Hendaklah anak-anak yatim dan janda-janda kedua-duanya fakir itu belanja tambahan dan menjaga adab-adab yang diper-syaratkan.

Apabila mereka telah tiada fakir lagi, maka tiadalah wajib diberi bantuan kepada mereka. WALLAHU A'LAM

Maulud Nabi akan disambut

17 Disember depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi tahun Hijrah 1404 akan diadakan pada hari Sabtu 17 Disember, 1983 di seluruh negara.

Sambutan di Daerah Brunei dan Muara di bahagikan kepada tiga kawasan. Kawasan satu ialah bagi sambutan peringkat negara yang akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini. Kawasan dua pula ialah bagi mukim-mukim di sepanjang Jalan Muara dan Dato Gandhi yang meliputi mukim-mukim Berakas (sebahagian saja), Kota Batu, Serasa dan Mentiri.

Manakala Kawasan Tiga pula melibatkan kawasan Jalan Gadong, Jalan Tutong dan Jalan Mulaut yang meliputi mukim-mukim Gadong, Kilanas, Sengkurong, Pangkalan Batu dan Lumapas.

Acara sambutan bagi Kawasan Satu iaitu Peringkat Negara akan bermula kira-kira jam 7.30 pagi. Manakala sambutan di lain-lain daerah tertakluk kepada keputusan jawatankuasa daerah masing-masing.

Keputusan tersebut telah dicapai dalam satu mesyuarat jawatankuasa tertinggi sambutan tahun ini yang berlangsung di Jabatan Hal Ehwal Ugama di sini baru-baru ini.

Peraduan mencipta logo PDI

JABATAN Hal Ehwal Ugama kini mempelawa pelapis-pelapis tanahair dalam peraduan mencipta logo untuk Pusat Dakwah Islamiah Brunei. Syarat-syarat peraduan tersebut adalah seperti berikut:

1. Peraduan terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Masa peraduan dalam tempoh dua bulan mulai 17 Oktober 1983.
3. Ciptaan logo adalah bebas tetapi hendaklah meliputi tujuan-tujuan pembentukan Pusat Dakwah Islamiah iaitu:
 - a) Pusat Dakwah Islamiah akan menjadi sebuah institusi perkembangan Islam Brunei yang boleh memberi bantuan kepada umat Islam dalam negara dengan mengadakan usaha-usaha pada memperperluas pengetahuan mereka terhadap Islam sesuai dengan perkembangan dunia sekarang dan juga kepada umat Islam di dunia Islam.
 - b) Pusat Dakwah Islamiah akan menjadi 'Rumah' Segala Islam di Brunei, tempat menyimpan 'TURA' (Ristaan) Islam di negara ini.
4. Logo hendaklah mengandungi tiga jenis tulisan yang berikut:
 - a) Tulisan Jawi **لجنة دعوة اسلامية**
 - b) Tulisan dalam bahasa Inggeris (ISLAMIC DAKWAH CENTRE)
 - c) Tulisan dalam bahasa Arab **مركز الدعوة الاسلامية**
 - d) Lambang Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei hendaklah dimasukkan dalam logo tersebut.
5. Ciptaan-ciptaan hendaklah asli tidak diiru dan dipadankan dari mana-mana logo yang ada.
6. Ukuran rekabentuk logo yang dikehendaki tidak kurang dari 1 kaki persegi. Hakim dan keputusannya adalah muktamad.
7. Peraduan ini akan diakhiri oleh sebuah panel hakim dan keputusannya adalah muktamad.
8. Hadiah rekabentuk akan diberikan kepada pemenang yang terpilih sebanyak \$2,000.00 (dua ribu ringgit sahaja) dan ciptaan yang menang akan menghimpunkan Pusat Dakwah Islamiah dan Pusat Dakwah Islamiah berhak mengubah rekabentuk logo tersebut menurut keperluan-keperluannya.
9. Semua ciptaan rekabentuk logo hendaklah sampai dan dikirimkan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama tidak lewat pada hari Sabtu 17 Disember 1983.



Sambutan Hijrah

PULAU PINANG. — Satu majlis keugamaan sempena memperingati awal tahun Hijrah 1404 telah diadakan baru-baru ini bertempat di Minden Heights, Jalan Satu, Sungai Gelugor di sini. (gambar atas)

Majlis tersebut telah dian-

jurkan oleh penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kerajaan yang mengikuti berbagai kursus di Universiti Sains Malaysia.

Majlis malam itu telah di-

dahului dengan menunaikan sembahyang Maghrib ber-

jemaah dan kemudiannya disusuli dengan bacaan doa awal tahun serta doa selamat oleh Awang Haji bin Othman Turut juga menghadiri majlis malam tersebut ialah penuntut-penuntut dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Dalam ceburi perniagaan besar

SYARIKAT MELAYU NAMPAKKAN KEMAMPUAN

Oleh: Muhaimin HM

SYARIKAT bumiputera dari kalangan orang-orang Melayu telah menampakkan potensi untuk menceburi salah satu bidang perniagaan yang lebih besar dan mencair dengan melibatkan ongkos yang banyak di mana selama ini bidang-bidang perniagaan yang menelan belanja jutaan ringgit itu sering dimonopoli oleh bangsa-bangsa asing.

Anggapan sebilangan para peniaga dari kalangan bangsa-bangsa asing yang berpendapat bahawa peniaga-peniaga Melayu hanya mampu berdagang secara kecil-kecilan di tamu-tamu, pasar dan di pinggir-

pinggir jalan perlulah dibentaras.

Kalau dulu ada orang-orang kitani hanya bermimpi untuk berniaga dengan memiliki sebuah perahu 'PE-DIAN' kini corak perniagaan secara tradisional telah lama bertukar wajah di mana anak-pribumi keturunan Melayu mampu memiliki sebuah kapal berharga berjuta ringgit.

Sebuah syarikat pemborong tempatan, Syarikat Malai Mashhor General Contractor dengan usahasama sebuah syarikat dari Amerika Jackson Marine Corporation telah membeli dua buah kapal yang berharga 17 juta ringgit. Kedua-dua kapal tersebut berfungsi bagi mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan di pelantar-pelantar minyak di luar pantai dan yang mendapat kerosakan.

Sebuah daripadanya telah tiba baru-baru ini di Pengkalan Muara dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Haji Abdullah bin Hj. Md. Jaafar. Kapal yang diberi nama 'Bulan Mashhor' itu telah memulakan kerja-kerja operasinya di luar pantai sejak dua minggu yang lalu.

Sebuah lagi yang diberi nama 'Bulan Malai' akan tiba di sini bulan depan. Kedua-dua kapalanya dibina di Singapura dengan memakan masa 9 bulan oleh sebuah syarikat yang mahir di bidang pembinaan perkapalan 'Maroy Ship Builders'.

Dalam hubungan di antara kedua buah syarikat mengenai operasi kedua buah kapal berkenaan, Syarikat Malai Mashhor General Con-

tractor melaksanakan kerja-kerja pengendalian dan pentadbiran manakala Syarikat Jackson Marine Corporation menyediakan dalam bidang-bidang teknologi dan kepakaran.

Syarikat Malai Mashhor merupakan sebuah syarikat tempatan yang telah lama berkecimpung dengan kerja-kerja di Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad manakala Syarikat Jackson Marine Corporation sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang perindustrian perkapalan.

Dari gabungan kedua buah syarikat berkenaan ianya dikenali dengan nama Syarikat Jackson Marine Mashhor. Mereka telah menandatangani satu kontrak dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad selama 5 tahun yang bernilai 75 juta ringgit.

Kapal yang berukuran 154 kaki panjang boleh menampung seramai 45 orang pekerja serta boleh digunakan dalam jangka masa selama 20 tahun. Kapal tersebut diperlengkapkan dengan peralatan moden antaranya alat angkut barang berpusing yang boleh mengangkat seberat 40 tan, penekan udara, alat-alat penukul yang menggunakan kuasa angin, empat penjurong sauh bagi menguatkan cengkaman ketika melakukan kerja di pelantar minyak, peralatan mencat, mesin pengimpal dan lainnya.

Pengarah Urusan, Syarikat Jackson Marine Mashhor, Malai Abdul Hamid bin Syed Haji Mashhor memberi penghargaan kepada pihak



"BULAN MASHHOR" yang telah mengendalikan kerja-kerja sejak tiga minggu lalu.

Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah memberi peluang dan kepercayaan kepada syarikat anak tempatan bagi mengendalikan projek-projek yang besar terutamanya berhubung dengan kerja-kerja pemeliharaan di luar pantai. "Peluang keemasan itu telah mendorong syarikat kami untuk lebih maju ke hadapan dan bertekad untuk menyaingi syarikat-syarikat asing yang telah lama memonopoli kerja-kerja dalam jurusan tersebut dengan ini," jelas Malai Abdul Hamid.

"Menerusi bidang perniagaan joint-venture dengan syarikat luar negeri kita akan dapat menambahkan pengalaman, meluaskan pandangan serta dapat mengetahui tentang sistem perniagaan serta dapat mengetahui tentang sistem perniagaan yang sebenar, bak kata orang, 'belajar pada yang tahu, meminta pada yang ada dan berjanja pada yang kasih,' ujarnya secara berseloroh.

Walaupun para pekerja di kedua buah kapal syarikat berkenaan majoritinya orang-orang dari luar negeri tetapi secara berperingkat-peringkat mereka akan mengambil dan melatih anak-anak tempatan.

Jika sekiranya pihak pihak berkenaan memberi peluang yang luas kepada usahawan-usahawan tempatan bagi mengendalikan kerja-kerja pemborong yang menelan belanja jutaan ringgit insya-Allah mereka berkeupayaan melaksanakannya, jelas Malai Abdul Hamid dengan penuh azam.

"Saya sangat kesal dengan sikap setengah bank di negara ini yang kurang memberi bantuan dan kepercayaan serta memandang rendah kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang terdiri dari kalangan orang-orang

Melayu," ujar Malai Abdul Hamid.

Beliau berharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada usahawan-usahawan tempatan supaya tahap bidang perniagaan mereka akan mempunyai kualiti dan standard yang tinggi.

Dia percaya bahawa para peniaga dari kalangan orang Melayu telah lama menyedari akan kemampuan masing-masing memandangkan banyak peluang-peluang telah dibukakan dalam bidang perniagaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



AWANG Haji Junaidi sedang menerima cenderamata yang disampaikan oleh Pengarah JKR, YB Pengiran Dr. Ismail Pg. Haji Damit.

Majlis perpisahan di JKR

SATU majlis perpisahan telah diadakan bertempat di Bangunan Ibu Pejabat Kerja Raya lapangan terbang lama Berakas pada hari Isnin lepas.

Majlis tersebut diadakan bagi pertukaran Awang Haji Junaidi bin P.O.K.P.S. Dato Paduka Haji Hashim, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di jabatan tersebut yang bertukar ke Jabatan Setiausaha Kerajaan. Sebelum ini beliau pernah bertugas di Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Tanah.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Pengarah Kerja Raya, Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pegawai-pegawai Kanan, serta Kakitangan di jabatan tersebut. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.



KELIHATAN perwakilan negara ini Awang Haji Abd. Rahman (no. 2 dari kiri) dan Awang Haji Hafneh (no. 5 dari kiri) bergambar bersama perwakilan dari lain-lain negara.

Kilang penapis berfungsi penuh:

KAWALAN CEGAH KEBAKARAN DITINGKATKAN



TENKER sedang memunggah muatan platformate di kilang penapis baru.

KILANG penapis baru yang dalam sedikit masa lagi akan berfungsi penuh kini telah menerima bekalan platformate dan minyak mentah.

Keadaan ini telah menempatkan beberapa kawasan di kilang tersebut, seperti unit pembersih minyak mentah dan kelompok tangki-tangki terdedah kepada ancaman kebakaran dan kedudukan tersebut tentu sekali memerlukan satu strategi yang teratur di dalam pengawalan keselamatannya.

Untuk mengetahui lebih dalam lagi mengenai perkara ini, Salam telah menemui Awang Suhaily Dagong, pegawai bomba dan keselamatan kilang tersebut dan kita di samping itu telah juga memperolehi sedikit sebanyak mengenai dengan latar belakang beliau.

Awang Suhaily sebenarnya telah berkhidmat dengan Brunei Shell selama lebih dari 30 tahun dan ketekunan menjalankan kerja-kerjanya telah membuahkan penghasilan yang baik bagi beliau.

Tugas yang beliau pikul sekarang adalah merupakan satu tugas yang penting di dalam kilang penapisan tersebut.

"Tugas ini tentu sekali adalah merupakan satu pekerjaan yang berat tetapi semua kakitangan di sini tentu sekali menyedari yang mereka mempunyai sumbangan-sumbangan yang tertentu bagi mengawal keselamatan di kilang ini apatah lagi mereka telah pun dilatih di dalam hal kebakaran dan keselamatan," jelas Suhaily.

Suhaily, yang memulakan kerjayanya dengan BSP dalam tahun 1953 sebagai seorang pembantu pejabat menjelaskan yang mereka telah pun menyediakan satu panduan kecemasan yang dengan terang menyebutkan tugas-tugas seseorang seandainya terjadi kebakaran di situ.

Panduan tersebut membahagikan kakitangan kepada dua bahagian — satu pasukan barisan hadapan yang terdiri dari para operator yang bertugas dan satu pasukan penyokong yang terdiri dari mereka yang tidak bertugas.

Selain daripada itu, ada lagi beberapa perkara yang penting dipatuhi, jelas Suhaily.

"Merokok, seumpamanya adalah dilarang di banyak kawasan di sini dan kakitangan yang terlibat di dalam kerja-kerja pengendalian dan kerja-kerja lain yang menggunakan kuasa "radiation" perlu mendapatkan sijil-sijil tertentu sebelum memulakan tugas-tugas mereka."



Salam dari
Padang Minyak



"KESELAMATAN adalah tanggungjawab semua orang," jelas Awang Suhaily.

Sibidol perolehi pingat emas dari Puerto Rico

WAKIL perseorangan dari Brunei di Sukan Veteran Sedunia Puerto Rico -Aloysius Sibidol telah memperolehi pingat emas kerana kejayaannya di dalam acara lontar lembing.

Sibidol telah memecahkan rekod dunia yang dibuatnya sendiri pada tahun lepas dengan 53.01 meter (rekod yang lama ialah 53.50 meter) dan beliau telah juga berjaya bertapak di tempat ketiga dalam acara buang peluru.

"Saya sepatutnya dapat

mencapai keputusan yang baik dari ini tetapi kerana perjalanannya jauh membuat saya letih dan menjejaskan kemampuan saya," kata beliau.

Sibidol yang akan bertanding lagi di pertandingan para veteran yang akan datang di Rona berharap dapat meraih lebih banyak peserta dari negara ini.


Katanya, "Kami mempunyai sebilangan ahli sukan veteran dan nasihat saya kepada mereka ialah untuk berlatih."

Pembaikan talian

PEMBAIKAN talian tenaga besar bagi talian-talian 53kv yang melintasi Julung-Julung dilakukan di talian-talian atas semenjak minggu yang dijangka akan memulakan tergendalnya perbekalan perbekalan tenaga beberapa kawasan.

Operasi itu merupakan usaha untuk julung-julung dilakukan di talian-talian atas semenjak minggu yang dijangka akan memulakan tergendalnya perbekalan perbekalan tenaga beberapa kawasan.

Usaha-usaha bagaimanapun telah dibuat untuk meringankan beban ini tetapi beberapa pengguna diperlukan mengurangkan penggunaan elektrik dari jam 3 hingga 7 malam penghapusan minggu.



OPERATOR sedang bekerja di bilik kawalan.

Geologi kaji Hidrokarbon

BERAKAS. — Jabatan Geologi Penghasilan minggu lalu telah membuat tinjauan ke Pantai Berakas di sini untuk mengkaji kemunculan batu-batu yang mempunyai persamaan kandungan hidrokarbon.

Pada waktu yang sama jabatan tersebut juga membuat penyelidikan di Jalan Labi, Jalan Jerudong dan pantai Jerudong.

Tujuan tinjauan tersebut adalah sebagai salah satu jalan bagi membiasakan kakitangan dan pegawai-pegawai rendah jabatan berkenaan mengetahui kesulitan-kesulitan bagi geologi padang minyak dengan mengkaji dan membuat perbandingan yang terdapat di situ.

Pada masa lalu ianya dilakukan dengan lawatan-lawatan ke

kumpulan-kumpulan penyelidikan seismik, rig-rig penggalian sewaktu operasi-operasi penerangan dan tayangan beberapa siri filem-filem latihan yang diperolehi dari perpustakaan Hal-Ehwal Awam.

Lawatan tersebut setentunya memberikan satu pengalaman bagi kebanyakan mereka yang mengahdirinya.

Dengan melihat batu-batu untuk pertama kalinya menonjolkan keadaan bagi batu-batu takungan pembentukan yang banyak yang cuma

dapat dilihat melalui buku catatan wireline yang biasanya dapat memberikan satu-satunya data takungan minyak dan gas yang digali oleh telaga.

Di antara telaga-telaga itu cuma pandangan yang berpatutan dapat dibuat mengenai sifat-sifat takungannya.

Jadinya, pemahaman terhadap bentuk pertukaran yang boleh berlaku di dalam satu takungan bumi melalui batu di permukaan setentunya mempunyai nilai yang besar bagi ahli geologi penghasilan.



KAKITANGAN Penerbangan Diraja Brunei yang telah menerima sijil masing-masing bergambar dengan Pengurus Perkhidmatan Pelanggan Awg. Hendry J. Gietlink.

Ketetapan harga barang keperluan harian

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 26 Oktober 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. SOTONG KERING SEDERHANA BESAR: \$15.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru-Guru.

2. SAYUR KINCAM: \$5.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.

3. KACANG KUDA: \$1.10 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Syarikat Hj Abd Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.

KUALA BELAIT

1. SOTONG KERING SEDERHANA BESAR: \$15.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.

2. SAYUR KINCAM: \$6.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.

3. KACANG KUDA: \$1.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Foh Soon, No. 60A, Jalan Pretty.

SERIA

1. SOTONG KERING SEDERHANA BESAR: \$16.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

2. Hui Guan, No. 48B, Jalan Bunga Kuning.

3. Hj. C. A. Mohammad & Son, No. 51, Jalan Bunga Kuning.

2. SAYUR KINCAM: \$5.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

3. KACANG KUDA: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—

1. Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.

Tamat kursus perkhidmatan

BERAKAS. — Seramai 16 orang kakitangan Penerbangan Diraja Brunei yang menamatkan kursus Perkhidmatan Penumpang telah menerima sijil mereka yang dilangsungkan di satu majlis singkat di pejabat tersebut pada hari Isnin lepas.

Kesemua mereka dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan RBA menerima sijil masing-masing dari Pengurus Perkhidmatan Pelanggan Awg. Hendry J. Gietlink.

Kursus tersebut telah dikendalikan oleh Puan Pat Peyton yang juga mengusahakan satu perkhidmatan latihan dengan penerbangan di United Kingdom.

Sementara itu dua orang kakitangan RBA dari bahagian yang sama juga telah menerima sijil 'Load and Balance'.



ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

SUMBANGKANLAH BAKTI KAMU SEBAGAI PEMUDA YANG BERTANGGUNGJAWAB DI SAMPING KERJAYA YANG MEN-CABAR, MEMUASKAN DAN DISANJUNG TINGGI OLEH UGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

BERKHIDMATLAH DENGAN PASUKAN AMDB.

SYARAT-SYARAT BERKHIDMAT:

- Warganegara Brunei, lahir di negara ini dan menjadi rakyat Kebawah D.Y.M.M.
- Tergolong kepada salah satu puak jati Melayu:
 - Belait.
 - Bisaya.
 - Brunei.
 - Dusun.
 - Kedayan.
 - Murut.
 - Tutong.
- Jika tidak tergolong kepada salah satu puak itu, calon itu mestilah memeluk agama Islam dan mengamalkan adat resam orang-orang Brunei.
- Bujang/kahwin.
- Berbadan sihat.
- Berumur 17½ — 25 tahun.
- Tinggi tidak kurang 5 kaki 1 inci.
- Berat badan tidak kurang 105 paun.

UNTUK MENDAFTAR ISIKAN BORANG DI BAWAH INI DAN HANTAR

Kepada:
Pegawai Pengambilan,
Askar Melayu Diraja Brunei,
Perkhemahan Bolkihah,
BRUNEI.

Nama:

No. Kad Pengenalan:Warna

Tarikh Lahir:Alamat:

Puak Jati Melayu:

Tingkatan:Kelulusan:

No. Telefon:

Tandatangan:Tarikh:

Tarikh tutup Pendaftaran 18 November 1983.

Ketetapan harga Kereta Volvo

BARU-BARU ini Pengawal Harga telah bersetuju meluluskan/menetapkan harga-harga kereta yang tersebut di atas masing-masing dari Syarikat 'UNITED MOTORS PRIVATE LTD', dan 'TANG CHING YING MOTOR'. Ketetapan harga-harga yang dinyatakan di bawah ini bermula dari tarikh kereta-kereta tersebut dimasukkan/dijual pertama kalinya di Brunei seperti berikut:—

A. SHARIKAT UNITED MOTORS PRIVATE LTD:

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road)
VOLVO Model: 240 GLE Aircondition; Power Steering; Power Window; Automatic Transmission etc.	\$34,100.00	\$36,250.00
VOLVO Model: 760 GLE Aircondition; Power Steering; Power Window; Spoiler with extra light reading lamps; tinted glasses etc.	\$43,100.00	\$45,520.00

B. SHARIKAT TANG CHING YING MOTOR:

NISSAN PULSAR EXA TURBO Model: KHN12HFTUC (1500 c.c.) Aircondition; Radio/Cassette; etc.	\$15,560.00	\$16,371.00
NISSAN PULSAR EXA TURBO (SUNROOF) Model: KHN12HFTUC (1500 c.c.) Aircondition; Radio/Cassette; etc.	\$15,950.00	\$16,790.00

Untuk makluman orang ramai bahawa setiap buah jenis kereta yang telah diumumkan/tetapkan harganya oleh Pengawal Harga akan diberi tandatangan oleh pihak Pengawal Harga. Dari itu orang ramai khususnya pembeli-pembeli adalah diminta memberikan kerjasama untuk melaporkan kepada, Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan telefon nombor 25555, Unit Perancang Ekonomi, BSB, Brunei, mana-mana ejen penjual kereta yang didapati sengkaja tidak memberikan tanda harga atau memberi tanda yang tidak mempunyai cap dan tandatangan pihak Pengawal Harga dengan seberapa segera yang boleh bagi penyiasatan dan tindakan seterusnya.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA

6.45 pagi
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAH

Zuhur, Asar, Magrib dan Isytihar

HARI RABU 2 NOVEMBER

PAGI: 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Christine Panjaitan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.36 — Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Taman Bulqis Siri Ketujuh), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00 — Menyusur Pedalaman, 9.30 — Purbawara/Citrawara.

HARI KHAMIS 3 NOVEMBER

PAGI: 8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Purbawara/Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Balai Drama (SU), 4.45 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT 4 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.25 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), 9.30 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU 5 NOVEMBER

PAGI: 8.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli (SU), 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

HARI AHAD 6 NOVEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah-

air, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniat dan ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.33 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Dibuang Sayang.

HARI ISNIN 7 NOVEMBER

PAGI: 8.30 — Menyusur Pedalaman, 9.00 — Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15 — Pilihan Juarahebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani,

4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Bina Wakili Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU).
MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.30 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Lagu-lagu Keroncong, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 8 NOVEMBER

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berdendang, 10.30 — Rampaian London, 11.15 — Dari Lambaran Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Dari Ria.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Gema Silam, 3.33 — Usaha Jaya, 4.00 — Gema Keroncong/Puspasari, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanah-air, 9.30 — Bahas Sekolah-Sekolah.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Frank Muir Goes Into: The Army 44/45.
8.30 Hello Tomorrow.
9.00 Popular Classics
9.30 Light Classical

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: "Glitter" by Philip McDonald
9.30 Country Club — 65.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Track and Field Athletics — 1/8 Sprinting.
11.15 Light Music From The Netherlands — 672.
11.30 Children's half hour
NOON
12.00 Cambridge Folk Festival. 1980 — 2/10.
12.45 My Music — 273/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Lost Stradivarius — 1/10.
8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River Without A Paddle

9.00 Perspective

9.30 A Date with . . . (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 280/287.
9.30 Top of The Pops — 987.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 24.
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date with . . .

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 987 (repeat)
1.30 Close Down.
STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Feature: "It's Your Line" by Christ Bonington.
8.30 Beautiful Music — 45/48.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Drama: The Importance of Being Earnest by Oscar Wilde — a radio production in its original four acts of Wilde's trivial comedy for serious people — Side 2 of 6.

Monday

P.M.

8.00 Maigret by George Simenon: Maigret In Morocco — 2/6 from the cashbook of most famous French Detective in Fiction.
8.45 The Moody Blues Stars — 4 (side 1 of 2).
9.30 A Play On Words — 19.

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "A Flock of Seagulls"

Daily

A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's translation
7.00 Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History.
7.05 Brunei's AM (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, followed by Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

P.M.

9.15 News.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 2 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 GIGGLESNORT HOTEL
- 5.30 SPIDERWOMAN: "Realm of Darkness"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DIFFERENT STROKES
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 DIFFERENT STROKES
- 6.30 321 CONTACT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 BRING 'EM BACK ALIVE: "There's One Born Every Minute"
 - 7.21 AZAN ISYAK
 - 7.26 BRING 'EM BACK ALIVE — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 CERAMAH HIJRAH
 - 8.45 LIPUTAN NASIONAL
 - 9.15 THREE'S COMPANY
 - 9.45 MAGNUM: "Of Sound Mind"
- Hartawan Wilson McLeish meninggalkan lebih 50 juta dollar kepada Magnum. Keluarga si mati marah dengan keputusannya itu. Dengan kekayaan yang baru itu mungkin menimbulkan bahaya bagi Magnum.
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR: "For The Love of Mike"
 - 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 3 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 KIMBA THE WHITE LION: "Chameleon Who Cried Wolf"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
- 6.30 WORLD OUT DOORS: "Canoeing's Wilderness"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VOYAGERS: "The Trial of Phineas Bogg"
- 7.21 AZAN ISYAK
- 7.26 VOYAGERS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 REGGIE JACKSON'S WORLD OF SPORTS
- 10.45 CHICO AND THE MAN: "Green Light"
- 11.15 MCLAIN'S LAW: "Rakan seorang pembunuh merancang satu plot supaya kumpulan mereka boleh merempuh masuk ke Squad Room di mana Lt. De Nisco dan Officer Cross dijadikan tawanan. Apa yang dianggap oleh S.W.A.T. sebagai satu gerakan menyelamat telah bertukar menjadi pertempuran hebat."
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 4 NOVEMBER

PETANG HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FAROU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

PETANG

- 1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
- 2.15 SPY FORCE
- 3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
- 3.28 AZAN ASAR
- 3.31 JOANNIE LOVES CHACHI —
- 4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURES
- 4.25 WORLD COMMUNICATION (International Connection)
- 4.55 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
- 5.35 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 YOU ASKED FOR IT — sambungan
- 6.30 ON SAFARI

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE YOUNG LAWYERS: "Glass Prison"
- 7.21 AZAN ISYAK
- 7.26 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DRAMA: "Sayang Kuala Sayang: "Kuala Sayang Membangun"
- 9.45 KNOTS LANDING: "Emergency"
- 10.35 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
- 11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 5 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THUNDARR THE BARBARIAN: "Challenge of The Wizards"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 7.17 THUNDARR THE BARBARIAN — sambungan
- 6.30 JUST KIDDING

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 JOHN DENVER SHOW
- 7.21 AZAN ISYAK
- 7.26 JOHN DENVER SHOW — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 9.15 MARI MEMASAK: "Bingka Marbel Ubi Kentang"
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Ribut di Hujung Senja". Pelakon-pelakon: Ed Osmera, Gaya Zakri, Ismail Mahmud, Latif Borgiba, dll.
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Fly Away Home"
- Berkisar dengan emosi masyarakat Amerika yang diselubungi oleh impak peperangan di Vietnam — yang bertemakan tiap-tiap peperangan mengubah kehidupan setiap manusia yang terlibat di dalamnya. Pelakon-pelakon: Bruce Boxleitner, Tiana Alexandra, Michael Beale, dan lain-lain.
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 6 NOVEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 FANGFACE: "Space Monster Mishap"
- 2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.28 AZAN ASAR



ALI MCGRAW dan Robert Mitchum sebagai pendukung-pendukung watak utama dalam siri rancangan perang THE WINDS OF WAR.

- 3.31 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.00 SMURF
- 4.30 COMPUTER PROGRAMME: "Moving Pictures"
- 5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "The Man In The White Hat"

MALAM

- Kerana tidak mahu menuduh kawan-kawannya, Crane lalu dipenjarakan. Dia dituduh membuat satu serbuan untuk mendapat kembali hasil tanaman mereka yang telah dirampas oleh pihak berkuasa dari gudang seorang bankrap.
- 5.45 SPIDERMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SPIDERMAN — sambungan
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 SPIDERMAN — sambungan
- 6.30 ALICE: "Sex Education"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "Mike and Pat"
- A. J. Dan Rick diupah oleh San Diego Sea World Amusement Park untuk mencari seekor dolphin yang telah dicari dan mungkin akan mati seperti seekor temannya yang tinggal kesunyian. Penggambaran banyak dilakukan di sekitar Sea World, San Diego.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 TEMANIKA
- 9.15 FORUM
- 10.15 TEACHERS ONLY
- 10.45 SMILEY'S PEOPLE (Episod terakhir)
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 7 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PIGEON STREET: "Getting Away" (Episod terakhir)
- 5.15 SMOOBY AND SCRAPPY DOO (Episod terakhir)
- 5.40 SHIRT TALES (Episod terakhir)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SHIRT TALES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "The Object of My Affliction"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 CAPTAIN AMERICA
- 10.15 ALL STAR WRESTLING
- 11.15 THE WINDS OF WAR.
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 8 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PACMAN
- 5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DOKUMENTARI—BILL BURRUD'S QUEST: "Mysterious Miniature World" Bkg. 2 (Episod terakhir)
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 DOKUMENTARI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY: "Hell On Wheels"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.35 DYNASTY: "Two Flights to Haiti"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Hijack"
- Jack Wilkinson dan Donny McDonald adalah dua orang drebar truck membawa muatan misteri untuk Kerajaan yang boleh mengujakan nyawa mereka. Pelakon-pelakon: David Janssen, Keanan Wynn, Tom Tully, Ronald Feinberg, dan lain-lain.
- 12.25 SIARAN TAMAT.

RTTB

Intisari minggu ini



DRAMA TV

"SAYANG KUALA SAYANG"

DALAM episod kedua, drama SKS akan menggambarkan kegigihan dan kebijaksanaan Cikgu Karim dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai Ketua Kampung. Cikgu Karim banyak berhadapan dengan masalah, selain dari masalah rumahtangga dan anak-anaknya serta juga iparnya Saman.

Nasib malang Tauke Ah

Kaw juga menjadi pertikaian kampung. Motosangkut Tauke Ah Kaw telah dicuri orang dan Tauke menyangka tentulah Dollah dan Sulang yang mencurinya.

Cikgu Karim memainkan peranannya di dalam pertikaian Tauke Ah Kaw.

Isu ugama dalam Kampung Kuala Sayang merupakan

satu perkara penting bagi pencapaian perpaduan Umat Islam dan penduduk seluruhnya. Pembangunan masjid baru juga menjadi perbincangan utama di dalam episod ini.

Jangan lupa menyaksikan siarannya pada hari Jumaat 4 November, 1983 jam 9.00 malam.

BINGKA MARBEL UBI KENTANG

- 3 cawan ubi kentang
- 6 biji telur ayam
- 1 cawan gula, 3 sudu makan susu manis
- 6 sudu makan kastad
- 3 sudu makan tepung gandum
- 1 cawan pati santan (dari 1 biji kelapa)
- 3 sudu makan mentega
- 2 sudu teh cocoa sedikit esen ros
- 1 sudu teh garam.

Cara-cara membuatnya:-

1. Ubi kentang dibersihkan lalu dibungkus dengan kertas foil dan dimasukkan ke dalam oven, dibakar kira-kira satu jam atau sehingga benar-benar empuk. Sudah itu dikupas

kulitnya dan dihancurkan sehingga halus.

2. Mentega atau margarine dicairkan.
3. Pukul telur bersama gula, susu manis serta masukkan esen ros lalu masukkan tepung, gandum, gaul sehingga rata. Seterusnya masukkan pati santan dan ubi kentang yang telah di hancurkan tadi. Gaul kesemuanya sehingga sebat.
4. Dibekas yang lain pula, masukkan tepung kastad dikacau dengan air sejuk. Dengan menggunakan air mendidih tuangkan ke dalam tepung kastad tadi sambil di kacau-kacau sehingga ia pekat (caranya sama seperti kita mem-

buat kanji baju).

5. Kemudian campurkan kastad yang sudah pekat itu ke dalam adonan ubi kentang digaul rata-rata dan masukkan 1 sudu teh garam.
6. Bahagikan adonan kepada dua bahagian. 1 bahagian dibiarkan begitu sahaja dan satu bahagian lagi dicampurkan dengan cocoa. Gunakan acuan berbentuk persegi atau bulat yang berlenser dan diminyakkan.
7. Masukkan adonan satu persatu bertindih-tindih sehingga habis. Bakar dalam kepanasan sederhana sehingga kira-kira 1 jam atau sehingga masak.

RADIO MINGGU INI: BOLA SEPAK PERMAINAN UTAMA

PERMAINAN bola sepak menjadi berita-berita utama dalam rancangan radio Brunei sejak beberapa tahun yang lalu hingga ke hari ini. Permainan bola sepak di Brunei adalah permainan utama yang diminati ramai oleh penduduk negara ini.

Perlawanan-perlawanan sering diadakan di antara daerah, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah dan syarikat-syarikat swasta.

Di tengah-tengah suasana 'world cup' yang sedang berlangsung ketika ini di negara barat, kita di Brunei Darussalam ini, adalah orang-orang yang paling gembira mempunyai Stadium yang baru,

yang serba lengkap dengan peralatan sukan yang moden. Tarikh 23 September, adalah detik sejarah yang tidak dapat dilupakan oleh rakyat Brunei Darussalam. Kerana pada tarikh itu, dua peristiwa yang patut diingati oleh rakyat Brunei Darussalam. Pertama; ialah tarikh hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dan kedua; ialah pembukaan rasmi Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang terletak kira-kira empat batu dari pusat Bandar itu, sudah setentunya akan dapat melahirkan atletik tempatan dan pemain-pemain bola sepak yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Dengan wujudnya sebuah Stadium yang menelan belanja hampir seratus juta ringgit itu, sudah setentunya akan dapat digunakan dengan baik, demi meningkatkan prestasi sukan di tanahair. Radio Brunei insya-Allah dengan sedaya upaya akan memastikan peranannya yang lebih aktif demi kemajuan sukan di negara ini. Rancangan sukan di Radio Brunei akan sentiasa membukakan tangan untuk memberikan kemudahan-kemudahan penyiaran

ke atas apa yang sukan yang negara ini.

Sejak Hassan Bolkiah dengan rancangan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Baginda Sultan Dipertuan Negara Darussalam pada 15 September yang telah pa perlawanan antarabangsa di kan. Ini membolehkan Stadium Negara dapat mengah pemain bola sepak pahan yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa di kan.

Semoga dengan usaha-usaha dan yang tidak ketinggalan nya dalam lapangan sepak negara Darussalam akan akan dianggap 'Black Horse' dalam lawanan bola sepak negeri di masa akan datang. Di Brunei insya-Allah diizinkan, peluang mengah juruul, membekas-san-ulasan tenaga wanan-perluasan an kita di luar puluhan rila minat dan penyiaran nyokong di patlah kiranya bagaimana sukan negara menentang kan luar negeri kat perlawanan bangsa.

Bintang Kecil Radio 84

Daerah Temburong

PERTANDINGAN Nyanyian Bintang Kecil 84 bagi Daerah Temburong, akan diadakan pada hari Ahad, 6 November, 1983, mulai jam 2.00 petang, bertempat di Dewan Ria Pekan Bangar.

Pemilihan awal pertandingan tersebut, akan diadakan di sebelah paginya, bermula jam 8.30 pagi.

Orang ramai yang ingin menyaksikan pertandingan tersebut, dipersilakan datang ke Dewan Ria Pekan Bangar pada hari dan waktu yang disebutkan di atas.

Rancangan TVP dari 7 - 12 Nov. 1983

ISNIN — 7 NOVEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 993.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, BERSENAH, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 993.

SELASA — 8 NOVEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 994.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, MAIN BAKUL, MINUM, SI MANIS, SI AMIN, HALAMAN BELAJAR, dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 994.

RABU — 9 NOVEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 995.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, MINUM,

SI AMINAH, BELON SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 995.

KHAMIS — 10 NOVEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 996.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSENAH, PAPAN HIKMAT, MINUM, PETI SURAT, LUKISAN DARI RUMAH, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 996.

SABTU — 12 NOVEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 997.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, TUNJUK BENDA, MINUM, BERSENAH, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 997.



JAMESON PARKER (kiri, sebagai A. J.) dan Gerald McRaney (Rick) dalam siri SIMON AND SIMON yang minggu ini berjudul "Mike and Pat".

Rancangan Dendang Remaja

SAMBUTAN dan majalah adalah untuk para remaja. Rancangan ini bermula pada bulan ber ini. Dendang Remaja telah awda masing-masing. Diharapkan peserta yang akan bil bahagian. ke studio temp dan waktu yang seperti yang surat pangkat penerbit. Untuk ucapan terima sambutan yang rancangan ini.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN LAUT, BRUNEI

PERMOHONAN adalah di-
daripada calon-calon
terdiri dari rakyat
Paduka Seri Baginda
dan Yang Dipertuan
Negara Brunei Darussalam
memenuhi jawatan-jawatan
kosong yang berikut
Jabatan Laut, Brunei.

**JURUTEKNIK
LAMPU :**
Tanggaji : D. 2 EB. 3-4
\$115-\$1175 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-mohon mesti-
lah mempunyai Sijil Pelajaran
Biasa lulus di dalam
mata-mata pelajaran
Ilmu Hisab, Fizik dan Ba-
haya Melayu atau Inggeris
atau mempunyai kelulusan
yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-mohon mesti-
lah lulus Peperiksaan City
and Guilds Peringkat In-
termediate bahagian
Pemasangan Kuasa Elektrik
serta mempunyai penge-
luasan terhadap unit-unit
berbentuk solid.

c) Pemohon-mohon mesti-
lah pernah menjalani lati-
han perantis listrik yang di-
ikuti dan mempunyai pe-
ngalaman sebagai Pem-
antu Teknikal, Elektrikal
atau jawatan yang seban-
ding dengannya.

d) Pengalaman di dalam ker-
ja-membina dan mem-
perbaiki lampu-
pelayaran laut dan
komponen-komponen elek-
tronik merupakan satu
kelebihan.

Tugas-tugas :

Menyelenggara, memelihara
lampu pelayaran laut yang
menggunakan kuasa bateri
atau elektrik yang dipasang
di lampu-lampu pancang laut
dan menara-menara serta
boya-boya lampu laut. Mem-
buat lain-lain tugas am pema-
sangan-pemasangan kuasa
elektrik di darat dan di kapal-
kapal apabila dikehendaki.

**2. WIREMAN
TINGKAT II :**
Tanggaji : F. 3-4 EB. 5—
\$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-mohon mesti-
lah berumur tidak kurang
dari 20 tahun dan mempun-
yai sekurang-kurangnya
3 tahun pengalaman prakti-
kal sebagai electrical
wireman.

b) Pemohon-mohon mesti-
lah pandai membaca electri-
cal circuit dan rajah-
rajah wiring.

c) Pemohon-mohon mesti-
lah mempunyai pengeta-
huan baik tentang alat-
alat kelengkapan yang di-
gunakan dan cara-cara
wiring electrical circuit.

d) Pemohon-mohon mesti-
lah tahu tentang pemelihar-
aan overhead am baha-
gian-bahagian electrical
starter motors, bateri-ba-
teri, generator-generator
kecil, peralatan lighting
